

Jenis Akhbar : Utusan Malaysia
Tarikh : 09/05/2017
Edisi / Muka Surat : Nasional / 32



ABDUL FATTAH ABDULLAH (duduk depan, dua dari kanan) bersama penduduk dan ahli Koperasi Kariah Masjid dalam program khidmat sosial korporat (CSR) Angkasa di Kampung Lubuk Kulit, Lipis, Pahang, semalam. - UTUSAN/HARIS FADILAH AHMAD

Sasar tubuh 16,000 koperasi menjelang 2020

LIPIS 8 Mei - Kewujudan banyak peluang perniagaan dan pembangunan keusahawan berdasarkan produk industri tempatan yang kompetitif di dalam serta luar negara dijangka mendorong penubuhan lebih banyak koperasi yang disasarkan mencapai 16,000 buah menjelang 2020.

Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa), Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, jumlah itu boleh dicapai berdasarkan cadangan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) untuk memudahkan prosedur penubuhannya selain dorong faktor-faktor tersebut.

Beliau berkata, keadaan itu secara tidak langsung dapat menggalakkan lagi penubuhan syarikat kerjasama itu membabitkan penduduk luar bandar, kakitangan kerajaan dan swasta serta golongan pesara.

"Diharapkan penambahan jumlah koperasi dapat meningkatkan lagi tumpuan kerajaan dalam membantu agensi terlibat bagi memastikan koperasi berdaya saing

dan cemerlang khususnya dalam sektor produk makanan, perumahan, pertanian serta perusahaan kecil dan sederhana," katanya selepas menghadiri program tanggungjawab sosial korporat (CSR) Angkasa di Kampung Lubuk Kulit, di sini hari ini.

Dalam program berkenaan, beliau dan kakitangan Angkasa bersama penduduk bergotong-royong membersihkan kawasan masjid, sekolah, dewan dan premis perniagaan di sekitar Kampung Lubuk Kulit.

Menurut Abdul Fattah, usaha oleh SKM memudahkan prosedur penubuhannya koperasi baharu merupakan komitmen berterusan kerajaan bagi menyasarkan perolehan sebanyak RM50 bilion menjelang 2020 yang turut menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara.

Beliau berkata, Angkasa menyambut baik pembaharuan prosedur SKM tersebut memandangkan potensi perniagaan menerusi koperasi semakin meluas dan kompetitif dari setahun ke setahun.

Perpustakaan Koperasi
Malaysia